

17 MAY 1997

Mahathir-Cyberjaya

REBUTLAH PELUANG DI CYBERJAYA, KATA DR MAHATHIR

SEPANG, 17 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyeru rakyat Malaysia supaya memberi perhatian kepada pelbagai kemungkinan dan peluang yang terdapat di Cyberjaya, nadi kepada Koridor Raya Multimedia (MSC).

Perdana Menteri berkata walaupun MSC khususnya Cyberjaya diwujudkan bagi membantu negara menjadi sebuah ekonomi dalam era maklumat multimedia, ia tidak bermakna bahawa industri lain tidak akan diberi perhatian.

Teknologi maklumat dan multimedia tidak terhad kepada bidang itu saja.

"Jika digunakan secara efektif, ia menjadi input yang berguna dan dalam banyak perkara, sebagai pemangkin untuk pelbagai industri," kata beliau ketika merasmikan upacara pecah tanah dan pelancaran Cyberjaya, bandar raya pintar di kawasan seluas 2,800 hektar di Bukit Damar di sini.

Dr Mahathir berkata kemajuan dalam teknologi multimedia akan menghasilkan penggunaan baru, menggalakkan perdagangan dan perniagaan serta meningkatkan produktiviti dan kecekapan dalam semua sektor.

Yang turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, anggota kabinet serta pembesar tempatan dan asing.

Dr Mahathir berkata Cyberjaya menjanjikan banyak peluang dan manfaat sampingan dan hasilnya akan dirasai sehingga generasi akan datang.

Sebagai contoh, katanya, terdapat ruang untuk menyediakan bahan dan perkhidmatan yang mempunyai nilai tokok walaupun terasnya ialah perkhidmatan multimedia.

"Saya ingin mengambil kesempatan ini menyeru syarikat tempatan menjalin hubungan strategik dan kerjasama dengan syarikat-syarikat antarabangsa bagi meneroka bidang yang luas ini bagi pembangunan bahan khususnya bagi memenuhi keperluan masyarakat Asia Pasifik yang mempunyai sistem nilai budaya dan sosial yang berbeza dengan Barat," katanya.

Perdana Menteri berkata setakat ini tujuh kawasan khusus telah dikenal pasti untuk menempatkan beberapa projek perintis di Zone Teras yang merupakan nadi Cyberjaya.

Menjelang 1998, pembangunan di fasa satu meliputi kawasan 750 hektar akan siap manakala kawasan selebihnya akan dibangunkan secara berperingkat menjelang tahun 2005.

Dr Mahathir berkata sejumlah 39 syarikat tempatan dan asing akan menempatkan operasi mereka di Cyberjaya.

"Saya ingin mengucapkan tahniah kepada syarikat perintis yang akan beroperasi di Cyberjaya yang mengambil langkah berani ini," kata beliau.

Perdana Menteri berkata berasaskan minat tinggi mendalam dan maklumat balas positif yang diterima sejak beberapa bulan lepas, kerajaan yakin lebih banyak syarikat lain akan menyertai Cyberjaya.

Kepada pelabur asing, Dr Mahathir berkata: "Kami mempunyai cadangan yang amat menarik bagi anda untuk datang dan berkongsi wawasan kami untuk membina pusat multimedia yang unggul melalui perhubungan untuk kebaikan bersama.

"Kami juga mempelawa anda untuk menggunakan kedudukan strategik kami bagi memasuki pasaran dan budaya Asia Pasifik."

Sejak MSC dilancarkan tahun lepas, kerajaan telah menjelaskan mengenai rancangan Malaysia membina koridor itu dan pelbagai kemudahan menarik yang terdapat di situ kepada banyak bakal syarikat.

Dr Mahathir berkata satu lagi lawatan promosi akan diadakan pada 20 Mei ini bagi menemui bakal pelabur di Eropah.

Perdana Menteri berkata pelancaran Cyberjaya kena pada waktunya kerana ia diadakan ketika dunia menyambut hari telekomunikasi bagi memperingati penubuhan badan telekomunikasi antarabangsa 132 tahun lepas.

Katanya industri telekomunikasi di Malaysia semakin maju sejak penswastaaan Telekom Malaysia dan rasionalisasi industri itu.

Kini terdapat 3.8 juta pelanggan talian biasa dan 1.8 juta pengguna telefon bimbit di Malaysia.

"Kadar penggunaan kita tinggi dan semakin maju. Penggunaan telefon bimbit umpamanya ialah pada kadar 9 peratus, lebih tinggi daripada di Jepun apabila perkhidmatan telefon jenis ini diperkenalkan di negara itu," katanya.

Dr Mahathir kemudian menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Telekom Malaysia dan Nippon Telegraph and Telephone Corporation (NTT) menjadikan NTT pembekal perkhidmatan kepada bangunan pintar di Cyberjaya.

Telekom Malaysia diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Mohamed Said Mohamed Ali dan NTT oleh Presidennya Junichiro Miyazu.

Dr Mahathir turut melawat pameran mengenai kegiatan semua syarikat yang bakal beroperasi di Cyberjaya.-- BERNAMA

TM MAI